



# **UiTM@Media** **2016**



# Rencana Pilihan



UiTM@Media  
2016



# Dinamik politik UMNO Terengganu

Oleh CHE HAMDAN CHE MOHD. RAZALI

**H**AMPIR dua tahun yang lalu, penulis dihubungi rakan-rakan di Singapura bertanyakan polemik krisis kepimpinan di Terengganu. Pada masa tersebut, rakyat di negeri itu menyaksikan pertukaran pemimpin tertinggi negeri tanpa melalui proses pilihan raya yang lazim berlaku.

Berdasarkan perbincangan dengan seorang rakan, maka satu artikel ringkas diterbitkan di bawah RSIS Commentaries yang bertajuk, 'UMNO's Terengganu Crisis: Managing Legacy and Reform'.

Kami mengandaikan bahawa apa yang berlaku adalah satu usaha untuk mencari titik tengah dalam krisis UMNO di Terengganu. Selain itu, perkara yang perlu diakui adalah bahawa setiap perubahan dan reformasi yang diperkenalkan mahupun dari segi pendekatan dan juga kepimpinan, akan sentiasa ada unsur-unsur penentangan. Senario ini dapat dilihat dalam perkembangan politik Terengganu yang berlaku akhir-akhir ini.

Persaingan politik di Terengganu mahupun antara parti dan juga dalam parti sentiasa menarik perhatian pemerhati politik. Krisis dalam parti bukan sahaja melanda UMNO tetapi juga berlaku kepada Pas yang mana perpecahan dalam parti tersebut telah membawa kepada penubuhan Parti Amanah Negara (PAN).

Krisis tersebut turut memberi kesan kepada Pas Terengganu. Dari satu sudut lain, ini mungkin menjadi satu kelegaan kepada UMNO yang dikejutkan dengan krisis kedudukan Menteri Besar negeri tersebut.

Ini mengurangkan tekanan daripada parti lawan dan mungkin dapat mengelakkan berlakunya perubahan pemerintahan kerajaan negeri di antara kedua parti tersebut.

Krisis terkini yang berlaku di Terengganu menjadi hangat apabila dikejutkan dengan perlucutan darjah kebesaran yang dikurniakan oleh Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin kepada Menteri Besar Terengganu, Ahmad Razif Abdul Rahman berkuat kuasa 22 April lalu.

Namun begitu, jika ditelusuri krisis yang berkaitan jawatan eksekutif tertinggi ini mutakhir ini, usul undi tidak percaya terhadap Menteri Besar telah mengiyakan khabar angin pergolakan dalaman UMNO di Terengganu yang masih berterusan. Benarkah wujudnya beberapa kumpulan dalaman UMNO Terengganu yang mengintai peluang untuk menjadi Menteri Besar?

Secara kronologinya, sejarah Menteri Besar di Terengganu sejak pilihan raya 1999 diwarnai dengan beberapa siri kejutan. Kekalahan Barisan Nasional (BN) Terengganu di bawah pimpinan Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad pada pilihan raya tersebut telah menamatkan penguasaan UMNO Terengganu di bawah pimpinan beliau sejak 1974. Pas berjaya mengambil alih kepimpinan Terengganu pada 1999 apabila memenangi 28 kerusi Dewan Undangan Negeri.

Namun begitu, Pas hanya mampu bertahan selama sepenggal sahaja di negeri ini. Pada pilihan raya 2004, Datuk Seri Idris Jusoh berjaya merampas Terengganu dari Pas dan seterusnya dilantik menjadi Menteri Besar yang baru. Kemenangan UMNO pada 2004 telah menjadi bualan tentang solidari dan perpaduan yang ditunjukkan oleh pimpinan UMNO

pada masa tersebut bagi merampas kekuasaan Pas.

Ia menjadi bukti bagaimana kesepaduan dalam parti telah memberikan sumbangan yang besar dalam memastikan kemenangan. Namun begitu, konflik dalaman dilihat mula berlaku apabila penamaan calon pada Pilihan Raya Umum 2008 telah menyaksikan beberapa nama pimpinan UMNO digugurkan. Ia berlanjutan sehinggalah membawa kepada krisis dalam

pelantikan Menteri Besar selepas pilihan raya tersebut.

Natijahnya, jawatan Menteri Besar telah bertukar tangan dengan Datuk Seri Ahmad Said telah menjawat jawatan tersebut. Bertitik tolak dari situ, maka jawatan Menteri Besar ini telah menjadi kerusi panas lebih-lebih lagi apabila BN hanya menang tipis pada pilihan raya lalu umum dengan mendapat 17 kerusi daripada 32 kerusi Dewan Undangan Negeri.







**Penting bagi kita untuk memahami kronologi ini kerana hegemoni UMNO bagi negeri-negeri yang majoritinya Melayu memerlukan pimpinan yang kuat bagi meneruskan kesinambungan transformasi politik yang dicetuskan Perdana Menteri."**

Setahun selepas pilihan raya, Menteri Besar Terengganu sekali lagi bertukar tangan. Datuk Seri Ahmad Said diganti dengan Ahmad Razif Abdul Rahman. Namun begitu, walaupun baru berusia hampir dua tahun memegang jawatan tersebut, beliau berada dalam situasi yang genting untuk mempertahankannya.

Penting bagi kita untuk memahami kronologi ini kerana hegemoni UMNO bagi negeri-negeri yang majoritinya Melayu memerlukan pimpinan yang kuat bagi meneruskan kesinambungan transformasi politik yang dicetuskan Perdana Menteri.

Selain itu, sebagai negeri yang kaya dengan hasil bumi dan pembangunannya sangat bergantung dengan royalti yang diperoleh, politik penaungan di negeri ini juga perlu ditangani dengan bijaksana oleh pemimpin peringkat negeri.

Semuanya mempengaruhi sokongan kepada pimpinan parti secara khusus dan kepada BN secara umumnya dalam pilihan raya. Politik feudalisme turut mempengaruhi kedudukan kepimpinan negeri terutamanya dalam melibatkan penawaran kuasa.

Hubungan yang baik dengan semua pihak dapat memberikan kelebihan bagi memastikan kelangsungan pemerintahan dan pentadbiran kerajaan negeri berjalan lancar. Pengalaman pemimpin terdahulu perlu dijadikan panduan. Feudalisme mempunyai peranan dalam politik Melayu di negara ini.

Kedinamikan politik negeri ini perlu diberi perhatian oleh kepimpinan peringkat pusat. Sebarang perubahan perlu mengambil kira segenap segi ancaman dan peluang.

Kebijaksanaan dan pengalaman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam menangani isu ini dipercayai dapat menstabilkan politik di negeri ini. Perundingan bagi mendapatkan penyelesaian yang terbaik diperlukan bagi meneruskan agenda Transformasi Terengganu Baharu yang sedang rancak berjalan.

Mandat yang diberikan rakyat dalam pilihan raya umum lalu perlu dimanfaatkan sepenuhnya terutama dalam situasi negara yang sedang berhadapan dengan cabaran ekonomi global.

**PENULIS** adalah Pensyarah Sains Politik, Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi, UiTM Pahang, Kampus Raub.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said  
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim  
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan  
Hanisah Yacob  
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

**Penyelaras Bahan Akhbar**

Hazizi Jantan  
Nor Azlina Nordin  
Samsinah Selamat  
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid  
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,  
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,  
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

